



**PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
SELANGOR STATE TREASURY**

Tingkat 2, 8-12
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40592 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA

No. Tel : 603-5544 7000
No. Faks: 603-5510 6255 (YB. PWN)
603-5544 7297 (TPWN)
603-5512 1054 (BN)
603-5521 2533 (BKP)

Laman Web : <http://pwn.selangor.gov.my>
E-mel : pwn_helpdesk@selangor.gov.my



#KitaSelangor

Rujukan kami
Tarikh

PWN.SEL. (S) 400-5/6/22 (1)
18 Oktober 2023

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

YB Dato' / Tuan / Puan,

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN

Dengan hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, Pentadbiran ini ingin mempelawa syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset alih dua (2) buah kenderaan terpakai. Bersama-sama ini dilampirkan notis tawaran sebut harga (KEW.PA-27) untuk makluman dan tindakan hebahan YB Dato'/Tuan/Puan kepada yang berminat.

3. Sehubungan itu, kenderaan ini boleh dilawati mulai jam **10.00 pagi hingga 12.30 tengah hari, 1 November 2023 (Rabu) di tempat letak kenderaan jabatan (P4)**. Tawaran sebut harga pelupusan kenderaan akan ditutup pada jam **12.00 tengah hari, 14 November 2023 (Selasa) dan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih (KEW.PA-28)** boleh dikemukakan ke Alamat seperti berikut:

**Bahagian Khidmat Pengurusan
Tingkat 12, Bangunan SSAAS
40592 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan**

4. Tawaran sebut harga pelupusan aset alih (KEW.PA-27) dan cetakan borang sebut harga (KEW.PA-28) boleh dicapai melalui pautan portal <https://pwn.selangor.gov.my> bagi kemudahan kepada Syarikat atau orang perseorangan yang berminat. Untuk keterangan lanjut pihak YB Dato'/Tuan/Puan boleh menghubungi **Encik Mohammad Waliyudin Bin Isa** di talian **03-55212369**.

Sekian, terima kasih.

"KITA SELANGOR MAJU BERSAMA"

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(NAZIAN HANIM BINTI RAHIM)

Bahagian Khidmat Pengurusan
b.p Pegawai Kewangan Negeri Selangor
Selangor Darul Ehsan



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: AR 5386

No. Sebut harga : **PWNSEL/DS03/2023**

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

PELUPUSAN ASET ALIH

Kementerian atau Jabatan:
Perbendaharaan Negeri Selangor
Tingkat 2,8-12, Bangunan SSAAS
40592 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan aset	*Nombor Pendaftaran Kenderaan	Kuantiti	Harga Simpanan
1.	Hyundai Santa Fe	BKE 9090	1	5,000.00
2.	Proton Preve	BMF 1146	1	6,000.00

* Nota : Bagi yang berkaitan sahaja.

2. Aset boleh dilihat pada **1 November 2023 (Rabu)** di antara jam **10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari** di **Tempat Letak Kenderaan Jabatan (P4)**.
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan **menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28)** yang boleh diperoleh di alamat seperti di para 4 atau melalui pautan portal <https://pwn.selangor.gov.my> . Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No. Sebut harga **PWNSEL/DS03/2023** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat:-

Perbendaharaan Negeri Selangor
Tingkat 12, Bangunan SSAAS
40592 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

5. Tarikh tutup sebut harga pada **14 November 2023 (Selasa)** jam **12.00 tengah hari**. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

(Tandatangan Ketua Jabatan)

NAZIAN HANIM BINTI RAHIM

Alamat: Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri
Bahagian Khidmat Pengurusan
Perbendaharaan Negeri Selangor

Tarikh:
Cap:

18/10/2023

SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Wang Pos atau Draf Bank sahaja atas nama **Bendahari Negeri Selangor**.
3. Tawaran tanpa/ kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.

Nota : Syarat-syarat sebutharga boleh dipinda mengikut keperluan Kementerian/Jabatan.

No. Siri:

BORANG SEBUT HARGA PELUPUSAN ASET ALIH

Nama Individu/ Syarikat

No. Kad Pengenalan/ Pendaftaran Syarikat:

Alamat:

Kepada:

Perbendaharaan Negeri Selangor

Tingkat 12, Bangunan SSAAS

40592 Shah Alam

Selangor Darul Ehsan

Tuan,

Tawaran Untuk Sebut Harga No. PWNSEL/DS03/2023.

Merujuk kepada perkara di atas, saya/ syarikat berminat menyertai sebut harga tersebut.

2. Tawaran saya/ syarikat adalah seperti berikut:-

Bil	Keterangan Aset	Kuantiti	Harga Tawaran (RM)	Deposit Sebut Harga

3. Bersama-sama ini disertakan deposit sebut harga (sebanyak 5% daripada harga tawaran aset di atas atau RM5,000 mengikut mana yang terendah) yang bernilai RM _____ (Ringgit Malaysia _____) dalam bentuk Wang Pos/ Draf Bank, No. _____ atas nama **Bendahari Negeri Selangor**.

4. Saya/ syarikat memahami dan bersetuju dengan semua syarat-syarat yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

Tandatangan :

Tarikh :

Cap Syarikat :